

## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO	
TARIKH	:	22/8/2019	MUKA SURAT : 15
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	


## Kumpulan lima ekor gajah jatuh dalam lombong emas diselamatkan Perhilitan 6 jam terperangkap dalam selut

**KUANTAN** – Kejadian lima ekor gajah yang terperangkap di lombong emas tinggal di Runchang, Pekan dekat sini semalam, dipercayai berlaku selepas gajah dewasa dalam kumpulan itu cuba menyelamatkan anaknya.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pahang, Rozidan Md. Yasin berkata, anak gajah itu dipercayai terjatuh ke dalam lombong di Hutan Simpan Bukit Ibam, kira-kira 7 kilometer dari jalan kawasan penempatan Orang Asli RPS Runchang, Pekan.

Difahamkan, lombong yang diusahakan secara haram itu mempunyai kedalaman kira-kira lima meter.

"Berdasarkan kesan tapak kaki, anak gajah dipercayai tergelincir dari tebing ke dalam lombong itu menyebabkan empat ekor gajah dewasa turun




**TANGKAP** layar daripada rakaman video tular menunjukkan kumpulan gajah berjaya keluar dari lombong emas sedalam kira-kira lima meter.

ke dalam lombong untuk menyelamatkan anak gajah itu.

"Bagaimanapun, kumpulan gajah itu dipercayai tidak dapat keluar kerana keadaan tebing yang curam dan tinggi selain badan mereka juga lehin ekor-an diselaputi selut.

"Malah, kedalaman selut dalam lombong itu juga dianggapkan tiga kaki,"



**LIMA** ekor gajah terperangkap lebih enam jam dalam lombong emas tinggal di Runchang, Pekan dekat Kuantan kelmarin.

yang membuat pemeriksaan mendapati gajah itu cuba untuk keluar daripada lombong pada pukul 12 tengah hari, namun gagal menyebabkan mereka perlu meminta bantuan daripada syarikat pertombongan berhampiran untuk menggerakkan excavator bagi membuat laluan keluar.

"Operasi mengambil masa hampir enam jam

kerana pasukan penyelamat perlu mengorek kawasan di sekitar lombong bagi membolehkan gajah keluar dengan selamat.

"Semua gajah dapat keluar sekitar pukul 6 petang dan dilihat berada dalam keadaan baik. Kumpulan itu kemudiannya meneruskan perjalanannya ke dalam kawasan hutan itu," ujarnya.

Rakaman video operasi menyelamatkan gajah itu yang berdurasi 3 minit 43 saat dimuat naik di laman Facebook Jabatan Perhilitan Semenanjung Malaysia dan turut kedengaran suara pasukan penyelamat memberi arahan supaya gajah itu menuju ke arah laluan yang dibuat.

Seekor gajah dewasa dilihat mula 'mendaki' laluan itu sebelum diikuti gajah yang lain, namun anak gajah dalam kumpulan itu dilihat seperti tidak berupaya untuk mendaki laluan yang agak tinggi sehingga perlu ditolak oleh seekor lagi gajah dewasa.

Tepukan dan ucapan kesyukuran kedengaran di hujung video itu apabila semua gajah berjaya keluar dan setakat pagi semalam video itu ditonton lebih 300,000 orang dengan 1,200 komen netizen yang memuji kesungguhan pegawai berkenaan membantu mengeluarkan kumpulan gajah tersebut.